# Program Karnival Keusahawanan MUTIARA 2007



**LAILI CHE ROSE**

**KUALA TERENGGANU** – Kelab Wanita Universiti Malaysia Terengganu (MUTIARA) telah menganjurkan Program Karnival Keusahawanan MUTIARA 2007 di Dataran Hal Ehwal Pelajar, UMT, baru-baru ini.

Menurut pengerusi MUTIARA, Laili Che Rose, program selama dua hari itu telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung yang hadir.

"Tema kita untuk program kali ini ialah 'Ke Arah K-Usahawan Wanita.

"Program yang diadakan bertujuan ingin menyediakan platform untuk mempromosi peluang-peluang perniagaan dalam kalangan anggota-anggota kelab dan masyarakat," katanya. SH 28/08/07 pg. T13